



يونيسوي سلطان زين العابدين  
**UNISZA**  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

# **GARIS PANDUAN**

## **PENAMAAN KOD KURSUS PROGRAM AKADEMIK**

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UnisZA)**

**PUSAT PENGURUSAN KECEMERLANGAN & INOVASI AKADEMIK**



## **GARIS PANDUAN PENAMAAN KOD KURSUS PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)**

### **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan menyelaraskan penamaan kod kursus bagi program akademik peringkat Prasiswazah di Universiti Sultan Zainal Abidin.

Kursus Mata Pelajaran Universiti (MPU) tidak tertakluk kepada garis panduan ini kerana ia menggunakan pakai Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT).

### **2.0 SISTEM PENAMAAN KOD KURSUS**

Kod kursus mengandungi lapan (8) aksara di mana tiga (3) aksara pertama adalah huruf dan lima (5) aksara seterusnya adalah nombor. Secara amnya, huruf dalam kod kursus memberikan maklumat tentang Pusat Pengajian dan Program sesuatu kursus. Manakala, nombor memberikan maklumat tentang Tahun Pengajian, Siri Kursus dan Jam Kredit sesuatu kursus.

- 2.1 Sistem penamaan kod kursus adalah seperti di Jadual 1 dan contoh adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 1: Sistem Penamaan Kod Kursus

<b>Kod Kursus: ABC12345</b>	
<b>Aksara</b>	<b>Penerangan</b>
A dan B	Pusat Pengajian
C	Program
1	Tahun Pengajian
2 dan 3	Nombor Siri Kursus
4 dan 5	Jam Kredit

Jadual 2: Contoh Penamaan Kod Kursus

<b>Contoh: FSD32103 <i>Halal Regulatory and Governance</i></b>	
<b>Huruf/angka</b>	<b>Mewakili</b>
FS	Pusat Pengajian Industri Makanan
D	Program Sarjana Muda Pembangunan Makanan Halal dengan Kejujuran
3	Tahun 3
21	Nombor Siri Kursus
03	3 Jam Kredit

### 3.0 PANDUAN UMUM

- 3.1 Setiap aksara kod kursus perlu ditulis tanpa ada jarak (*spacing*) di antara huruf dan nombor (Contoh: FSD32103).
- 3.2 Penamaan kod kursus tidak membenarkan penggunaan kod kursus yang berulang.

- 3.3 Penamaan kod kursus yang baharu mesti didaftarkan di bawah Pusat Pengajian sedia ada. Penentuan huruf bagi Pusat Pengajian boleh ditentukan oleh Fakulti dengan merujuk kepada Pusat Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i).
- 3.4 Penamaan kod kursus bagi program baharu mesti menggunakan huruf yang tidak pernah digunakan oleh mana-mana program di bawah Pusat Pengajian yang sama.
- 3.5 Bagi fakulti yang tidak mempunyai pusat pengajian, dua (2) huruf pertama boleh mewakili fakulti. Jika wujud pusat pengajian di masa akan datang, dua (2) huruf pertama sedia ada akan mewakili pusat pengajian bagi program tersebut.
- 3.6 Penamaan kod kursus membenarkan perubahan kod kursus dengan mengekalkan nama kursus bagi program yang sama. Sebagai contoh, perubahan kod kursus disebabkan perubahan penawaran tahun pengajian tetapi masih mengekalkan nama kursus yang sama. Walaubagaimanapun, nama kursus hanya boleh digunakan sekali sahaja bagi sesuatu *kohort* pengajian.
- 3.7 Penamaan kod kursus membenarkan penggunaan nama kursus yang sama dengan kod kursus yang berbeza bagi program yang berbeza.

Contoh:

- a) Kursus TPD32804 *Final Year Project I* bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) dengan Kepujian DAN
  - b) Kursus CSF35104 *Final Year Project I* bagi program Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dengan Kepujian
- 3.8 Penamaan kod kursus teras atau elektif fakulti mesti menggunakan huruf yang mewakili pusat pengajian dan pemilik program (*program owner*) bagi kursus tersebut. Penomboran kursus tersebut juga perlu merujuk kepada struktur kurikulum pemilik program (*program owner*).

Contoh:

Kursus ASQ46602 *Fisheries Value Chain* ditawarkan pada tahun empat (4) sebagai kursus teras di dalam struktur kurikulum program Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Akuatik. Kursus ini juga adalah kursus elektif yang ditawarkan pada tahun tiga (3) bagi program Sarjana Muda Pembangunan Makanan Halal dengan Kepujian. Penamaan kod kursus ini perlu merujuk kepada struktur kurikulum program Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Akuatik (pemilik program) iaitu kod kursus ASQ46602.

- 3.9 Huruf ketiga bagi penamaan kod kursus teras atau elektif fakulti yang tidak diwakili mana-mana program boleh menggunakan satu huruf lain yang bersesuaian.
- 3.10 Nombor pertama bagi penamaan kod kursus elektif yang ditawarkan kepada beberapa tahun pengajian boleh merujuk kepada tahun penawaran yang sesuai bagi kursus tersebut.

Contoh:

Kursus Elektif Terbuka, ITB13103 Pengantar Teknologi Maklumat ditawarkan kepada pelajar tahun 1, 2, 3 atau 4 mana-mana program Sarjana Muda. Namun kursus ini sesuai ditawarkan bermula tahun 1. Oleh itu, nombor pertama di dalam kod kursus adalah merujuk kepada tahun 1.

- 3.11 Penentuan nombor siri kursus iaitu nombor kedua dan ketiga dalam kod kursus perlu merujuk panduan seperti Jadual 3:

Kod Kursus: ABC1**23**45

Jadual 3: Penentuan Nombor Siri Kod Kursus

Tahun Pengajian	No. Siri
1	01-99
2	01-99
3	01-99
4	01-99
5	01-99

- 3.12 Nombor pertama bagi kod kursus yang ditawarkan secara berulang dalam beberapa tahun pengajian perlu dinomborkan dengan merujuk kepada tahun terakhir ia ditawarkan.

Contoh :

Kursus BMM43002 *Anaesthesiology* ditawarkan pada semester 5,6,7 dan 8 dalam program pengajian Sarjana Muda Perubatan (MBBS). Oleh itu, nombor pertama di dalam kod kursus adalah merujuk kepada tahun 4 (semester 8) iaitu tahun terakhir ia ditawarkan.

- 3.13 Penamaan semula kursus perlu dibuat melalui proses pemurnian atau semakan kurikulum jika berlaku perubahan pada organisasi fakulti yang melibatkan pusat pengajian.

Contoh:

Penggabungan dua (2) Pusat Pengajian membentuk satu (1) Pusat Pengajian baharu.

- 3.14 Fakulti mesti mendaftarkan cadangan kod baharu melalui Sistem e-CourseCode dan memuat turun Senarai Permohonan Kod Kursus Baharu. Senarai tersebut perlu dilampirkan bersama kertas cadangan berkaitan kod kursus untuk dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Akademik (Prasiswazah) atau Jawatankuasa Pengajian Akademik Universiti (JKPAU).

#### **4.0 TARIKH BERKUATKUASA**

Garis panduan ini telah mendapat kelulusan Senat Bil. 11/2022 pada 28 September 2022.